PANDUAN UMUM PEROLEHAN PERALATAN ICT DI BAWAH MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN ICT KE BAHAGIAN/ JABATAN/ INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Takrifan

JPICT	-	Jawatankuasa Pemandu ICT
JKICT	-	Jawatankuasa Kerja ICT
BPM	-	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPPA	-	Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
PC	-	Personal Computer (Komputer Peribadi)
Consumables	-	Peralatan pakai habis / habis guna
Loaner Unit	-	Unit pinjaman peralatan ICT yang mempunyai spesifikasi, keupayaan dan kualiti yang setaraf atau lebih baik daripada peralatan ICT yang sedang dibaik pulih
Agensi KPM	-	Bahagian atau jabatan atau institusi pendidikan termasuk sekolah, kolej matrikulasi dan institut pendidikan guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
Pihak Kerajaan	-	Pegawai jabatan / bahagian / institusi pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia yang berkaitan seperti pegawai penerima, pengarah, ketua jabatan dan sebagainya

Pengenalan

01. Kontrak ini adalah berkuat kuasa selama tiga (3) tahun mulai 2 Februari 2012 sehingga 1 Februari 2015 dan terdapat sebanyak 45 item yang ditawarkan. Agensi KPM yang ingin melaksanakan perolehan melalui kontrak ini boleh memilih peralatan ICT berdasarkan kepada ketetapan seperti di bawah :

Bahagian / Jabatan / IPG		Institusi Pendidikan (Sekolah dan Kolej Matrikulasi)	
Kod Item	**Nama Item**	**Kod Item**	**Nama Item**
SVR1	Server 1 (Rack Mounted)	SVR1	Server 1 (Rack Mounted)
SVR2	Server 2 (Rack Mounted)	SVR2	Server 2 (Rack Mounted)
SVR3	Server 3 (Tower)	SVR3	Server 3 (Tower)
SVR4	Server 4 (Tower)	SVR4	Server 4 (Tower)
PC1	Personal Computer 1 (For Non-School)	PC2	Personal Computer 1 (For School)
PC3	Personal Computer 2 (For Non-School)	PC4	Personal Computer 2 (For School)
NB1	Notebook 1 (For Non-School)	PC5	Personal Computer 3 (Workstation For School)
NB2	Notebook 2 (For Non-School)	PC6	Personal Computer 4 (Pre School Specification)
OS1	Microsoft Windows 7 Professional With Latest Service Pack	PC7	Personal Computer 5 (CPU Box Only)
OS2	Latest Version Of Linux Ubuntu For Desktop	NB3	Notebook (For School)
OS3	Latest Version Of Linux Fedora For Desktop	OS1	Microsoft Windows 7 Professional With Latest Service Pack
MS1	Microsoft Office Standard 2010 (Site License)	OS2	Latest Version Of Linux Ubuntu For Desktop
MS2	Microsoft Office Professional Plus 2010 (Site License)	OS3	Latest Version Of Linux Fedora For Desktop
OO	Latest Version Of Open Office	MS3	Microsoft Office Professional Plus 2010 (Education Alliance Agreement)
SPC	Spell Checker Software	OO	Latest Version Of Open Office
LPM1	Mono Laser Printer A3	SPC	Spell Checker Software
LPM2	Mono LED Printer A3	LPM1	Mono Laser Printer A3
LPM3	Mono Laser Printer A4 (Duplex)	LPM2	Mono LED Printer A3
LPM4	Mono LED Printer A4 (Duplex)	LPM3	Mono Laser Printer A4 (Duplex)
LPM5	Mono Laser Printer A4	LPM4	Mono LED Printer A4 (Duplex)
LPM6	Mono LED Printer A4	LPM5	Mono Laser Printer A4
LPM7	Mono Laser Printer A4	LPM6	Mono LED Printer A4
LPC1	Color Laser Printer A4	LPM7	Mono Laser Printer A4
LPC2	Color LED Printer A4	LPC1	Color Laser Printer A4
LPM8	Multifunction Mono Laser Printer A4	LPC2	Color LED Printer A4
LPM9	Multifunction Mono LED Printer A4	LPM8	Multifunction Mono Laser Printer A4

Bahagian / Jabatan / IPG		Institusi Pendidikan (Sekolah dan Kolej Matrikulasi)	
SCN	Scanner	LPM9	Multifunction Mono LED Printer A4
LPR1	LCD Projector 1	SCN	Scanner
DPR1	DLP Projector 1	LPR1	LCD Projector 1
LPR2	LCD Projector 2	DPR1	DLP Projector 1
DPR2	DLP Projector 2	LPR2	LCD Projector 2
LPR3	LCD Projector 3	DPR2	DLP Projector 2
DPR3	DLP Projector 3	LPR3	LCD Projector 3
LPR4	LCD Projector 4	DPR3	DLP Projector 3
DPR4	DLP Projector 4	LPR4	LCD Projector 4
UPS1	Uninterruptible Power Supply (UPS) For PC	DPR4	DLP Projector 4
UPS2	Uninterruptible Power Supply (UPS) For Server	UPS1	Uninterruptible Power Supply (UPS) For PC
SWT	Access Switch	UPS2	Uninterruptible Power Supply (UPS) For Server
		SWT	Access Switch

02. Setiap perolehan perlu mendapatkan kelulusan teknikal JPICT dan kelulusan perolehan harta modal (OS35000) dari pegawai pengawal terlebih dahulu bagi perolehan melalui peruntukan OS35000.

03. Bagi setiap item yang ditawarkan, cadangan penggunaan item dinyatakan dalam **Lampiran A** (Panduan Pemilihan Peralatan ICT) sebagai panduan untuk membolehkan pengguna memilih peralatan ICT yang bersesuaian dengan penggunaan dan keperluan.

04. Setiap item PC (kecuali item PC7) dan *notebook* akan dipasang dengan sistem pengoperasian Microsoft Windows 7 Professional dan Open Office yang terkini secara *default* .

05. Bagi item PC1, PC2, PC5 dan NB1 perlu dipastikan bahawa pihak Kontraktor memasang sistem pengoperasian **Microsoft Windows 7 Professional 64-bit** untuk membolehkan pengguna mendapat kelebihan penggunaan memori 4GB bagi item-item tersebut.

06. Bagi setiap item PC (kecuali item PC7) dan *notebook*, pengguna boleh memilih satu (1) sistem pengoperasian tambahan iaitu item OS2 atau OS3, satu (1) daripada tiga (3) jenis item Microsoft Office yang ditawarkan dan perisian *spell checker* sekiranya perlu seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pemasangan Sistem Pengoperasian Dan Perisian (**sila rujuk Lampiran E**) .

07. Pastikan item MS1, MS2 dan SPC dimasukkan di dalam borang pesanan tempatan (LO) kerana perisian-perisian tersebut mempunyai kos seperti di dalam Jadual Harga yang disertakan.

08. Bagi item LPR1, DPR1, LPR2 dan DPR2 yang perlu dipasang pada siling, tapak / rangka untuk projektor tersebut beserta kabel-kabel yang berkaitan perlulah dipasang terlebih dahulu (perolehan di luar kontrak ini) sebelum perolehan dilaksanakan untuk memudahkan syarikat yang telah dilantik memasang projektor tersebut.

09. Sekiranya peralatan yang dihantar rosak atau rendah kualitinya atau tidak lengkap pegawai penerima berhak menolak penghantaran peralatan tersebut dan **Nota Penolakan Sebelum Penerimaan** perlu diisi untuk memudahkan penjejakan dilaksanakan. Pihak Kontraktor perlu menggantikan peralatan tersebut dengan peralatan baru dengan jenama, model dan spesifikasi yang sama.

10. Bagi peralatan pencetak, **hanya *toner catridge* dan *timing belt* sahaja** yang dikira sebagai item *consumables*. Manakala bagi peralatan projektor LCD / DLP dan notebook, ***projector bulb* dan *notebook battery*** hanya mempunyai jaminan selama satu (1) tahun sahaja.

Rajah Carta Alir Ringkas Permohonan Perolehan Peralatan ICT Melalui Kontrak Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT Ke Bahagian/ Jabatan/ Institusi Pendidikan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia



Rajah Carta Alir Proses Perolehan Peralatan ICT Melalui Tender Kontrak Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT Ke Bahagian/ Jabatan/ Institusi Pendidikan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia




Borang Yang Terlibat
Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP)
KEW.PA-2/ KEW.PA-3
Nota Kredit
Borang Penalti
A
Pihak kerajaan tandatangan Sijil Pengujian dan Pentauliahan yang disediakan oleh Kontraktor
Kontraktor sediakan kad daftar KEW.PA-2 atau KEW.PA-3 bagi peralatan yang dibekalkan
Kuantiti peralatan dihantar secara penuh?
Tidak
Kontraktor sediakan nota kredit
Ya
Kontraktor sediakan invois
Kontraktor hantar lewat?
Ya
Isi Borang Penalti untuk penolakan denda lewat pada LO
Tidak
Serahkan dokumen untuk pembayaran
Tamat
Rujuk Lampiran B

Rajah Carta Alir Ringkas Perkhidmatan Bantuan Teknikal Peralatan ICT Kontrak Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT Ke Bahagian/ Jabatan/ Institusi Pendidikan Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia



ISI KANDUNGAN

Lampiran A	-	Panduan Pemilihan Peralatan ICT di dalam Kontrak Bermasa.
Lampiran B	-	Panduan Pembayaran Perolehan Peralatan ICT di dalam Kontrak Bermasa.
Lampiran C	-	Senarai Semak Peralatan ICT dan Aksesori Berkaitan.
Lampiran D	-	Perkhidmatan Bantuan Teknikal Oleh Kontraktor di dalam Kontrak Bermasa.
Lampiran E	-	Borang Permohonan Pemasangan Sistem Pengoperasian Dan Perisian Kementerian Pelajaran Malaysia.